

Ketua Menteri tetap bergilir:

Oleh Agoes Kholil, Wan Jailani Razak dan Amirullah Andi Nur

KOTA KINABALU, Isnin – Barisan Nasional (BN) tetap berpegang kepada janjinya bahawa jawatan Ketua Menteri Sabah disandang secara bergilir-gilir di antara tiga kaum utama di negeri ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, cara itu akan memastikan semua kaum mendapat peluang menjadi Ketua Menteri dan mereka yang dipilih tidak akan mengutamakan kaum sendiri.

“Kita berjanji bahawa di Sabah kita akan mewujudkan kerajaan yang mempunyai Ketua Menteri yang dilantik secara bergilir-gilir supaya semua kaum iaitu Melayu Islam, Kadazan dan Cina, masing-masing mendapat tempat.

“Kita percaya apabila menjadi Ketua Menteri, mereka tidak akan menumpukan perhatian kepada kaum mereka saja, tetapi memberi pertimbangan sewajarnya kepada keperluan dan kepentingan semua kaum di Sabah.

“Sebab itu, kita tidak akan menukar pendirian kita dan berharap mereka yang dipilih menjadi Ketua Menteri betul-betul berpegang kepada prinsip BN iaitu tidak melakukan pilih kasih,” katanya.

Berucap merasmikan persidangan agung tahunan ketiga Parti Liberal Demokratik (LDP) di sini, hari ini, Perdana Menteri berkata, Kerajaan BN Sabah akan bersikap adil terhadap semua kaum tanpa mengira siapa dilantik sebagai Ketua Menteri.

Terdahulu, Presiden LDP, Senator Chong Kah Kiat, dalam ucapannya mencadangkan jawatan Ketua Menteri Sabah, yang ketika ini disandang oleh Tan Sri Sakaran Dandai daripada Umno, terus disandang oleh Umno kerana Umno adalah tunggak BN.

Cadangan melantik Ketua Menteri Sabah secara bergilir-gilir dibuat oleh Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, menjelang pilihan raya negeri Sa-

bah pada 18 dan 19 Februari lalu.

Dr Mahathir berkata, Parti Gerakan di Pulau Pinang masih menyandang jawatan Ketua Menteri, walaupun parti itu mempunyai bilangan kerusi yang kurang berbanding Umno.

Umno tidak mahu merebut jawatan berkenaan, malah terus mengekalkannya kepada Gerakan dan akan tetap memberi sokongan dan kerjasama kepada parti itu.

Beliau berkata, walaupun bangsa Melayu adalah golongan majoriti, ia tidak berniat menguasai segala-galanya untuk kepentingan sendiri.

“Kita sedar pembangunan Malaysia bergantung kepada kerjasama antara semua kaum. Kita akan memberikan perhatian dan membantu kaum yang ketinggalan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sikap adil yang diamalkan oleh BN menyebabkan gabungan parti itu terus mendapat sokongan semua kaum dan mampu bertahan serta berjaya membangunkan negara sejak merdeka.

“Memang ada yang eksklusif di Malaysia yang hanya mahu kaum mereka saja memonopoli dan memegang kuasa, tetapi BN bersikap adil dan sebab itu kita mendapat sokongan semua kaum di Malaysia,” katanya.

Dr Mahathir berkata, semua kaum di negara ini mesti dilayan dengan adil. Kerajaan BN akan melakukan yang terbaik bagi membantu mereka yang ketinggalan disebabkan faktor sejarah.

“Kita akan memberi tumpuan sewajarnya, tetapi tidak sehingga menjejaskan kaum lain. Kita akan menambah kekayaan negara dan mengagihkannya supaya semua kaum mendapat bahagian yang adil daripada kekayaan negara,” katanya.

Kejayaan BN itu, tegas Perdana Menteri menjadi perhatian banyak negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum yang mengakui kejayaan BN sebagai contoh terbaik.

Sabah PM